

15/05/1998

Kurangkan guna mata wang asing

Mior Kamarul Shahid in Khartoum

KHARTOUM (Sudan), Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan supaya Peraturan Pembayaran Dua Hala yang dirangka pertubuhan kerjasama negara membangun Kumpulan 15 (G15), dijadikan mekanisme untuk mengurangkan penggunaan wang asing pihak negara ketiga.

Perdana Menteri menjelaskan, peraturan seperti itu sesuai dilaksanakan antara dua negara jika menggunakan hubungan dagang tukar barang atau timbal balik perdagangan.

Menurutnya, menerusi peraturan itu pengimport di setiap negara dikehendaki membuat pembayaran kepada pengeksport di negaranya menggunakan mata wang tempatan.

"Jika jumlah eksport lebih besar daripada jumlah import, baki pembayaran dan lebihan dagangan perlu dibayar dalam mata wang negara berkenaan. Dengan cara ini tidak banyak mata wang asing diperlukan meskipun jumlah dagangan besar.

"Perdagangan tukar barang tanpa menggunakan wang adalah asas kepada perniagaan yang boleh digunakan untuk mengurangkan kesan buruk kejatuhan nilai mata wang dan saham," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis jamuan makan malam anjuran bersama dewan perniagaan dan perindustrian Sudan, di sini, malam ini.

Pagi ini, Dr Mahathir menyaksikan upacara menandatangani tiga perjanjian membabitkan jaminan pelaburan, promosi perdagangan dan pertukaran kebudayaan dan teknikal antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di sini semalam dalam rangka lawatan tiga hari ke Sudan.

Sempena lawatan itu, Dr Mahathir dianugerahkan Doktor Kehormat Undang-Undang oleh Universiti Khartoum pada satu majlis ringkas, malam semalam.

Anugerah itu diberikan kepada seseorang negarawan yang memainkan fungsi besar dalam pembangunan rakyat, negara dan masyarakat antarabangsa, selain ideanya yang sering menjadi pedoman masyarakat dunia.

Dr Mahathir berkata, untuk memudahkan peraturan pembayaran, sebuah rumah penjelasan untuk menyelaraskan urusan berkenaan hendaklah ditubuhkan di setiap negara.

"Sekarang kita sudah menggunakan komputer untuk memudahkan setiap urusan rundingan pada waktu sebenar dan mengimbangi jumlah perdagangan setiap hari.

"Pembayaran hendaklah diuruskan setiap hari dengan nilai pertukaran semasa untuk mengelakkan turun naik mata wang," katanya.

Perdana Menteri berkata, dengan tidak menggunakan mata wang pihak negara ketiga, ia boleh mengurangkan peningkatan kadar pertukaran wang.

Sejak menggunakan peraturan ini, perdagangan Malaysia meningkat 300 peratus ke Amerika Latin dan beberapa negara di selatan Afrika.

Dr Mahathir berkata, cara itu boleh dilaksanakan dengan berkesan antara dua negara untuk mengimbangi jumlah import dan eksport negara rakan dagang.

Bagaimanapun, barangan yang hendak dibeli dari sesebuah negara itu perlu dikenal pasti terlebih dulu.

(END)